



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 [AKTA 514]

P.U. (A) 316/1997

PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PEGAWAI KESELAMATAN
DAN KESIHATAN) 1997

Tarikh penyiaran :

21hb Ogos 1997

Tarikh mula berkuatkuasa :

22hb Ogos 1997

SUSUNAN PERINTAH

Mukadimah

Perintah 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Perintah 2. Tafsiran.

Perintah 3. Kelas atau jenis industri yang dikehendaki mengambil kerja pegawai keselamatan dan kesihatan.

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 29(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Menteri membuat perintah yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 22 Ogos 1997.

2. Tafsiran.

Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“puncak kerja” ertinya masa yang bilangan pekerja yang mungkin maksimum sedang bekerja di tapak kerja;

“kerja pembinaan kejuruteraan” ertinya pembinaan mana-mana landasan keretapi atau tepian, dan pembinaan, pengubahan struktur atau pemberian termasuk megalith arah dan mengecat semula atau perobohan mana-mana dok, pelabuhan, pelayaran pedalaman, terowong, jambatan, jejambat dan kerja air;

“pengendalian bangunan” ertinya pembinaan, pengubahan struktur, pemberian atau penyenggaraan sesuatu bangunan termasuk mengalih arah, mengecat semula dan membersihkan luaran struktur, perobohan bangunan, dan penyediaan bagi dan peletakan atas bangunan yang dicadangkan;

“pekerja” termasuklah seseorang kontraktor bebas yang diguna khidmat oleh seseorang majikan atau orang yang bekerja sendiri dan mana-mana pekerja kontraktor bebas.

3. Kelas atau jenis industri yang dikehendaki mengambil kerja pegawai keselamatan dan kesihatan.

Seseorang majikan daripada kelas atau jenis industri yang berikut hendaklah mengambil kerja seorang pegawai keselamatan dan kesihatan:

- (a) mana-mana pengendalian bangunan yang jumlah harga kontrak projek melebihi dua puluh juta ringgit;
- (b) mana-mana kerja pembinaan kejuruteraan yang jumlah harga kontrak projek melebihi dua puluh juta ringgit.
- (c) mana-mana pembinaan kapal yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja pada puncak kerja;
- (d) mana-mana aktiviti memproses gas atau industry petrokimia yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja;
- (e) mana-mana industri kimia dan yang bersekutu yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja;
- (f) mana-mana aktiviti membuat dandang dan vessel tekanan yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja;

- (g) mana-mana industri logam yang terdapat kerja mengetin, mengecap, menebuk, memotong, atau melentur dan yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja;
- (h) mana-mana industri kerja kayu di mana terdapat kerja pemotongan, menggergaji, mengetam, membentuk, melicinkan, mengupas atau mana-mana gabungan yang di atas, dan yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja;
- (i) mana-mana aktiviti pembuatan simen yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja; dan
- (j) mana-mana aktiviti pembuatan lain selain daripada aktiviti pembuatan yang dinyatakan dalam subperenggan (f) hingga (i) yang mengambil kerja lebih daripada lima ratus orang pekerja.

Dibuat 28 Julai 1997.

[KSM. PUU (S) 6/8; PN. (PU²) 541/III.]

DATO' LIM AH LEK,
Menteri Sumber Manusia